

Headline	Jangan malu dan takut		
MediaTitle	Jelita		
Date	13 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	37,099
Page No	142	Readership	78,784
Language	Malay	ArticleSize	535 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,368
Frequency	Monthly	PR Value	RM 16,105



## TIP SIHAT

SUSILAA SITI SHAHILA AHMAD  
SUMBER: DR. FU ZIAH PAMIN

# Jangan malu dan takut

**JANGKITAN** kulat di vagina melibatkan pembiakan sejenis kulat yang dikenali sebagai "Candida Albicans". Jangkitan ini lazimnya berlaku di kalangan wanita yang masih subur dan jarang berlaku sebelum bermulanya haid atau selepas menopause. Jenis kulat ini biasanya dijumpai di mulut, usus, faraj dan akan menjadi masalah sekiranya pembiakannya berlebihan.

**F**aktor atau risiko yang boleh membuatkan wanita itu mendapat jangkitan kulat vagina adalah:

- Rawatan antibiotik
- Mengandung
- Diabetes Mellitus yang tidak terkawal
- Kegemukan
- Penghidap HIV
- Menggunakan dos steroid yang tinggi
- Tekanan perasaan
- Mereka yang menjalani rawatan kanser (kimoterapi)
- Kekurangan zat makanan

Rawatan antibiotik boleh mengubah bakteria protektif (laktobacilli) dalam vagina dan menggalakan pembiakan Candida yang berlebihan. Pengeluaran hormon yang tinggi (estrogen dan progesterone) sewaktu mengandung merendahkan tindak balas imuniti dan seterusnya meningkatkan peluang untuk mendapat jangkitan kulat vagina. Harus diingat, jangkitan kulat vagina bukan penyakit kelamin. Walaubagaimanapun pasangan kepada wanita yang menghidapi jangkitan kulat vagina mungkin akan menalami tanda-tanda seperti gatal dan ruam di bahagian kemaluan selepas mengadakan hubungan seksual.

### Tanda dan gejala

Tanda-tanda jangkitan kulat vagina seperti gatal, rasa hangat, sakit semasa hubungan seksual, tidak selesa, sakit semasa kencing dan iritasi (perengsaan). Sewaktu pemeriksaan, akan ada bengkak dan merah pada bahagian kemaluan dan lelehan putih kekuningan di vagina. Jangkitan lain seperti *bacterial vaginosis* atau *gonorrhoea* menyerupai tanda-tanda vaginal candidiasis.

### Rawatan yang sering dilakukan bagi mengubati masalah ini ialah:

- Clotrimazole vaginal pesari 500 mg atau 200 mg setiap hari untuk tiga hari.
- Econazole vaginal pesari 150mg satu dos sebelum tidur atau 150mg untuk tiga malam.
- Fenticonazole vaginal pesari 600mg satu dos atau 200 mg untuk tiga hari.
- Miconazole vaginal pesari 1.2 g satu dos atau 200 mg untuk tiga hari.
- Teconazole vaginal pesari 80 mg sekali sehari untuk tiga hari.
- Nystatin vaginal pesari 100,000 unit untuk 14 hari.

Pil seperti Fluconazole juga boleh digunakan terutama bagi wanita yang tidak gemar menggunakan pesari vagina. Sangat berkesan dan pilihan yang baik untuk jangkitan kulat sistemik dan mereka yang mempunyai daya tahan badan yang rendah seperti penghidap HIV, pesakit kanser yang menggunakan kemoterapi dan mereka yang mendapat jangkitan kulat berulang. Pil antikulat tidak boleh digunakan semasa mengandung dan menyusukan bayi kerana kurang kajian dari segi keselamatannya untuk janin atau bayi. Rawatan setempat seperti pesari vagina, pil vagina, atau krim terbukti mempunyai kurang kesan sampingan. Jadi lebih selamat digunakan semasa mengandung dan menyusukan bayi.

### Ada beberapa cara yang boleh dilakukan bagi mengelak mendapat jangkitan kulat ini seperti:

- Pastikan kawasan kemaluan kering dan bersih.
- Kalau anda menghidap Diabetes Mellitus, pastikan paras glukos anda terkawal.
- Jika anda menghidap HIV, CD4 yang tinggi dan Viral load yang rendah boleh membantu. Sekiranya anda mempunyai CD4 yang rendah dan viral load yang tinggi, rawatan anti-retroviral akan meningkatkan CD4 dan menurunkan viral load anda dan seterusnya dapat mencegah dari jangkitan kulat vagina.

Jangkitan kulat yang berulang berlaku apabila wanita itu mengalami jangkitan empat kali atau lebih. Jangkitan berulang berlaku pada 5 hingga 8 peratus di kalangan wanita yang subur.

### Ada beberapa faktor risiko seperti :

- Wanita yang kurang daya tahan.
- Wanita yang menghidap Diabetes Mellitus yang tidak terkawal.
- Wanita yang mengambil steroid jangka panjang.
- Wanita yang menggunakan kemoterapi.
- Jenis kulat yang ganas.
- Jenis kulat yang kebal kepada anti kulat.

Sekiranya anda mengalami jangkitan kulat yang berulang, doktor akan beri ubat bergantung kepada keputusan kajian kuman dan sensitiviti. Rawatan yang diberi samada pil anti kulat atau pesari vagina yang diberi untuk jangka masa panjang atau rawatan secara kitaran. Cara rawatan mungkin berbeza jika selalu mendapat jangkitan berulang. Misalnya, makan pil fluconazole 150 mg setiap minggu selama enam bulan. Sekiranya mengalami jangkitan, anda boleh berjumpa doktor untuk pemeriksaan dan rawatan.



Gambar hiasan